



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
BERAMALLAH
PADA 10 PERTAMA
ZULHIJAH



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BERAMALLAH PADA 10 PERTAMA ZULHIJJAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَةٍ ...	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Muslimin yang dirahmati Allah SWT, Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk " BERAMALLAH PADA 10 PERTAMA ZULHIJJAH. "	6
Hadirin yang dimuliakan Allah SWT, Hari ini kita memasuki hari pertama dalam bulan Zulhijjah. Selain bulan Zulqadha, Muharram dan Rajab, bulan Zulhijjah ini adalah salah satu daripada Bulan-bulan Haram yang empat.	7



Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 36:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ
أَنْفُسَكُمْ

8

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan pada sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. (Ketetapan) yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya)".

9

Sepuluh hari yang pertama daripada bulan Zulhijjah ini sangat penting bagi kita umat Islam. Tanggal 1 hingga 10 haribulan Zulhijjah merupakan hari-hari yang agung yang cukup istimewa. Ia lebih mulia berbanding hari-hari lain sepanjang tahun. Amal soleh yang dilakukan pada 10 hari yang pertama Zulhijjah ini sangat disukai oleh Allah SWT.

10



Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامِ الْعَمَلِ الصَّالِحِ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ،
قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ،
إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ 11

"Tiada sebarang hari yang amal soleh lebih disukai oleh Allah berbanding hari-hari ini iaitu sepuluh hari (pertama Zulhijjah). Mereka bertanya: Wahai Rasulullah: walaupun jihad di jalan Allah? Baginda menjawab: walaupun jihad di jalan Allah, kecuali seorang lelaki yang keluar dengan diri dan hartanya, dan tidak balik semula daripadanya dengan sesuatu pun".

(Riwayat Abu Daud).

Inilah hari-hari yang cukup hebat dan sangat bermakna. Segala amal soleh yang dilakukan pada hari-hari ini jauh lebih dicintai oleh Allah Azza wa Jalla. Imam al-Hafiz Ibn Hajar memberikan justifikasi dengan katanya:

وَالَّذِي يَظْهَرُ أَنَّ السَّبَبَ فِي امْتِيَازِ عَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ لِمَكَانِ اجْتِمَاعِ أُمَّهَاتِ
الْعِبَادَةِ فِيهِ وَهِيَ الصَّلَاةُ وَالصِّيَامُ وَالصَّدَقَةُ وَالْحَجُّ وَلَا يَتَأْتَى ذَلِكَ فِي غَيْرِهِ 13

"Dan yang jelas bahawa sebab kelebihan sepuluh yang pertama Zulhijjah adalah berhimpunnya ibu ibadah padanya iaitu solat, puasa, sedekah dan haji. Ia tidak datang berlaku pada selainnya".

Hadirin Jumaat sekalian,



<p>Berapa kalikah telah kita bertemu dengan sepuluh hari pertama Zulhijjah sepanjang hidup ini? Bagaimana pula keadaan kita ketika melalui hari-hari itu? Adakah dengan amal soleh? Atau ia berlalu pergi begitu sahaja?</p>	15
<p>Sesungguhnya ia adalah hari-hari yang lebih baik daripada hari-hari dalam bulan ramadhan. Bahkan lebih baik daripada sepuluh hari terakhir Ramdhan yang tiada lailatul qadar padanya menurut sebahagian para ulama.</p>	16
<p>Ini berdasarkan sumpah dalam firman Allah SWT menerusi ayat 1-2 surah al-Fajr:</p> <p style="text-align: center;">وَالْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيْالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾</p> <p><i>"Demi waktu fajar. Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah".</i></p>	17
<p>Imam Ibn Kathir Rahimahullah menjelaskan dalam tafsirnya bahawa yang dimaksudkan dengan وَلَيْالٍ عَشْرٍ dalam ayat tersebut ialah sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah.</p>	18
<p>Sepuluh hari yang pertama bulan Zulhijjah ini sangat terhad dan pendek masanya dalam setahun. Ia hanya 2.8 peratus sahaja daripada jumlah 360 hari dalam setahun. Namun impaknya cukup besar. Masa yang sekejap tetapi pahala dilipat gandakan. Walau bagaimanapun, jangan sesekali berbuat maksiat, kerana ia mendatangkan dosa yang mencemarkan kemuliaan hari-hari tersebut.</p>	19



<p>Marilah kita jadikan sepuluh hari ini kesemuanya untuk Allah SWT. Kita penuh dengan pelbagai amal soleh dan ketaatan. Dan kita jauhkan diri walau dari satu maksiat yang kecil.</p>	20
<p>Antara ketaatan yang boleh dilakukan dalam tempoh ini (1 hingga 9 haribulan) ialah puasa sunat. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu'anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p>مَنْ صَامَ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، بَاعَدَ اللَّهُ بِذَلِكَ الْيَوْمِ النَّارَ مِنْ وَجْهِهِ سَبْعِينَ خَرِيفًا</p>	21
<p><i>"Sesiapa yang berpuasa satu hari di jalan Allah, nescaya dengan hari tersebut Allah jauhkan api neraka daripada wajahnya selama 70 tahun".</i></p> <p><i>(Riwayat Ibn Majah).</i></p>	22
<p>Lebih-lebih lagi puasa pada 9 haribulan Zulhijjah iaitu Hari 'Arafah, janganlah dilepaskan, kerana fadhilatnya adalah dua tahun keampunan Allah SWT, tahun semasa dan tahun berikutnya.</p> <p>Selain itu, perbanyakkanlah zikir dengan bertasbih, bertahmid, bertakbir dan bertahlil pada sepuluh hari pertama Zulhijjahini.</p>	23



Diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahu'anhuma bahawa nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ الْعَمَلُ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ
الْعَشْرِ، فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ

24

"Tiada mana-mana hari yang lebih besar di sisi Allah, dan yang lebih dicintai Allah amal soleh padanya berbanding hari-hari sepuluh ini. Oleh itu, perbanyakkanlah tahlil, takbir dan tahmid padanya".

(Riwayat Ahmad).

25

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa setiap ketaatan dan maksiat akan dibalas oleh Allah SWT pada hari akhirat kelak.
2. Umat Islam mestilah merebut peluang untuk melakukan amal soleh pada 10 hari pertama bulan Zulhijjah dan menjauhkan diri dari sebarang maksiat.
3. Umat Islam hendaklah terus berzikir, bermunajat dan berdoa kepada Allah agar dijauhi sebarang wabak penyakit dan bencana alam.

26



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾</p>	27
<p>“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang”.</p> <p>(al-Ahzab : 41-42)</p>	28
<p>بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	30



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21